

Roslinda, Sukri tepati ramalan

Pemain hoki kebangsaan, Mohamad Sukri Abdul Mutalib dan ratu lompat bergalah negara, Roslinda Samsu menepati ramalan untuk dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) 2007 pada majlis Anugerah Masum di Pusat Konvensyen Persada Johor, Johor Bahru, malam tadi.

Mohamad Sukri yang juga penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) adalah pemain tengah skuad kebangsaan dan menyerlah dalam beberapa kejohanan antarabangsa bersama skuad kebangsaan.

Pemain yang juga mewakili kelab Ernst & Young itu berjaya mengetepikan saingan daripada beberapa atlit lain seperti atlit kayak Universiti Teknologi Mara, Zulmajid Zakaria dan atlit bowling Universiti Islam Antarabangsa, Zaim Zulfahlie Said.

Pemilihan Roslinda yang juga siswazah UPM adalah sesuatu yang sudah dijangka selepas atlit keleahiran Kedah itu memenangi emas di Kejohanan Trek dan Padang Asia dan emas Sukan Sea 2007.

13 APR 2008

BERITA MINGGU